

Kaji cadangan penempatan baharu mangsa banjir

AYER KEROH - Satu kajian cadangan penempatan baharu bagi mangsa-mangsa banjir terutama di sepanjang Jalan Keretapi Lama berhampiran tebing Sungai Melaka akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron berkata, langkah itu termasuk mengkaji pem-

binaan rumah-rumah yang mampu menahan daripada dilanda banjir seperti rumah-rumah lebih tinggi daripada biasa.

Selain itu, katanya, kerajaan negeri turut bersetuju mengkaji semua kawasan tadahan air di hulu-hulu sungai bagi membantu mengekang banjir daripada ber-

laku lebih kerap.

"Berdasarkan pemerhatian, kedudukan rumah-rumah berkenaan adalah tidak sesuai kerana terletak di kawasan yang mudah dinaiki air.

"Banjir yang berlaku itu berpunca daripada air tidak dapat ditahan dalam satu tempoh masa sehingga menyebabkan banjir di hiliran su-

ngai," katanya.

Beliau berkata, sekiranya masalah itu dapat diselesaikan secara poraktif, tidak mustahil kejadian banjir seperti yang berlaku di kawasan hilir sungai dapat dielakkan atau masa banjir dapat dilewatkan.

Menurutnya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

juga sudah diarahkan menyelenggarakan kesemua kolam-kolam takungan air mengikut jadual dan spesifikasi ditetapkan supaya ia boleh menampung kapasiti air lebih dari biasa.

"Kita tahu kawasan-kawasan takungan air mempunyai rumput rumpai yang panjang dan lumpur tinggi dan keras,

sekali gus menyumbang kepada suasana banjir lebih teruk.

"Jadi, kita mengingatkan kepada pengurusan JPS supaya memperbaiki keadaan ini dengan kadar segera," katanya kepada pemberita pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco di Seri Negeri, di sini, semalam.